

aab

MALAYSTA TAWAR KEMUDAHAN LATIHAN KEPADA ALBANIA  
Mahathir - Albania  
(EMBARGO: UNTUK STARAN SELEPAS PUKUL 8 MALAM INT)  
Daripada Zainoor Sulaiman

T

TIRANA, 12 Julai (Bernama) -- Malaysia hari ini menawarkan kemudahan latihan kepada rakyat Albania dalam bidang-bidang tertentu mengikut program latihan teknikalnya, bertujuan meningkatkan hubungan dua hala.

Ketika mengumumkan tawaran itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia sanggup berkongsi pengalaman dan kepakaran dalam aspek-aspek tertentu dalam pengurusan dan perancangan ekonomi, termasuk penswastaaan industri-industri kerajaan.

Ketika berucap pada jamuan tengah hari yang diadakan oleh rakan sejawatannya dari Albania Aleksander Meksi di Palace of Brigade di sini, beliau berkata kerajaan akan juga menggalakkan sektor swasta Malaysia mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi di Albania menerusi pelaburan dan usahasama dalam bidang-bidang yang kini dibuka kepada penyertaan asing.

"Sebagai negara yang mempunyai ekonomi terbuka dan mengamalkan sistem perdagangan bebas, Malaysia mempunyai sektor swasta yang aktif yang telah memberikan sumbangan besar kepada pembangunan ekonomi negara," katanya.

"Ahli-ahli perniagaan dan usahawan Malaysia digalakkan mencari pasaran baru dan melabur dalam projek-projek di luar negara yang boleh memberikan keuntungan kepada Malaysia dan negara terbabit," katanya. -- Lagi.

▼12/07/14-24MST

CNS2819

U GB 12-07 00143 BA379

aab

Mahathir - Albania 2 Tirana (Embargo)

Dr Mahathir, yang tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi tiga hari, sebelum itu mengadakan rundingan dengan pemimpin-pemimpin Albania, termasuk Meksi dan Presiden Seli Berisha.

Sambil menyifatkan rundingan itu sebagai "bermakna", Perdana Menteri berkata beliau kini lebih memahami dasar dan program Albania untuk pembangunan ekonomi dalam usaha membawa kemajuan dan kemakmuran kepada rakyat.

"Ta sememangnya satu tugas yang berat untuk dilaksanakan... satu tugas yang bukan sahaja memerlukan pelaburan dan kepakaran yang banyak tetapi juga perubahan sikap dan minda," katanya.

Beliau berkata Malaysia melalui pengalaman yang sama ketika mencapai kemerdekaan pada 1957.

Menurutnya, ia terpaksa melaksanakan pelbagai program pembangunan untuk mengurangkan kemiskinan dan mengubah ekonomi daripada hanya bergantung kepada eksport komoditi utama kepada mempelbagaikan eksport, dengan penekanan kepada industri pemprosesan dan pembuatan. -- Lagi.

▼12/07/14-25MST

Mahathir - Albania 3 Tirana (Embargo)

Usaha-usahanya berjaya kerana penggabungan beberapa faktor, antaranya dasar yang betul, sifat rajin dan berdisiplin, kestabilan politik dan kemampuan rakyat pelbagai bangsa dan agama di Malaysia bekerjasama sebagai sebuah negara, katanya.

"Hari ini rakyat Malaysia sedang menikmati taraf hidup antara yang tertinggi di kalangan negara membangun dan kami yakin dapat mencapai matlamat untuk menjadi sebuah negara maju pada tahun 2020," katanya.

Ketika menyentuh mengenai perkembangan terbaru di negara jiran, Bosnia-Herzegovina, Dr Mahathir berkata: "Kedudukan Albania yang dekat dengan peristiwa ngeri genosid dan penghapusan kaum (oleh kaum Serb) sudah tentu mencemaskan negara ini seperti juga kami di Malaysia."

Beliau berkata keengganan kuasa-kuasa besar untuk mengambil keputusan tegas bagi menamatkan pencerobohan terhadap kemerdekaan, kedaulatan dan keutuhan wilayah Bosnia-Herzegovina dan penganiayaan hak asasi rakyat Bosnia, tidak dapat difahami dan diterima.

Perdana Menteri berkata Malaysia seperti juga Albania turut cemas dan bimbang terhadap perkembangan lain di bekas Yugoslavia, terutama keadaan di Kosovo kerana penduduk di situ yang kebanyakannya berketurunan Albania, ditindas oleh kaum Serb. -- Lagi.

▼12/07/14-29MST

Mahathir - Albania 4 (Akhir) Tirana (Embargo)

"Kita bersetuju bahawa langkah-langkah pencegahan perlu dimulakan bagi mencapai keamanan dan kestabilan di rantau ini," katanya.

Dr Mahathir, yang diiringi oleh Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah, kemudian melawat pelabuhan Durres.

Pagi ini, Dr Siti Hasmah mempunyai program berasingan melawat rumah kebajikan kanak-kanak dan meninjau sebuah kilang membuat permaidani. --

Bernamea

ZS AKD NMO.